



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 64

1hb April 2021

No. 7

---

**No. 334.**

ENAKMEN MUFTI DAN FATWA (KEDAH DARUL AMAN) 2008

PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SEKSYEN 23 DAN 24

FATWA ANAK TAK SAHTARAF

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 23 dan 24, Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 [*Enakmen No. 10 Tahun 2008*]; Jawatankuasa Fatwa dan atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman dengan ini menyiaran fatwa seperti dinyatakan dalam Jadual.

## JADUAL

Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada 26 Julai 2020, inilah diputuskan fatwa untuk diguna pakai di Negeri Kedah Darul Aman seperti berikut:

1. Anak tak sahtaraf mengikut hukum Syarak ialah;
  - (i) Anak yang dilahirkan bukan daripada pernikahan yang sah sama ada akibat zina, rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhab atau bukan daripada anak perhambaan;
  - (ii) Anak yang dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 saat (*lahzah*) qamariah dari waktu “*imkan ad-dukhul*”; dan

- 
- (iii) Anak yang dilahirkan lebih dari 6 bulan 2 saat (*lahzah*) *qamariah* dari waktu “*imkan ad-dukhul*” selepas akad yang sah dan ada bukti dari segi syarak bahawa anak tersebut adalah anak luar nikah melalui pengakuan (*iqrar*) mereka yang berkenaan (sama ada suami dan isteri tersebut atau salah seorang daripadanya).

2. Penamaan anak tak sahtaraf;

- (i) Anak tak sahtaraf hendaklah di “bin” atau di “binti” kepada “Abdullah” atau salah satu daripada nama-nama Allah (*Asmaul Husna*) dengan penambahan “Abdul” seperti Abdul Rahman, Abdul Qadir, Abdul Muhamimin dan lain-lain;
- (ii) Tidak dibenar nama anak tak sahtaraf itu tanpa perkataan di “bin” atau di “binti”;
- (iii) Anak tak sahtaraf tidak boleh di “bin” atau di “binti” kepada bapa biologi yang menyebabkan kehamilan anak tak sahtaraf itu atau yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut; dan
- (iv) Sekiranya bapa biologi bernama Abdullah atau salah satu daripada nama-nama Allah (*Asmaul Husna*), maka anak tak sahtaraf itu hendaklah di “bin” atau di “binti” kepada nama-nama Allah (*Asmaul Husna*) yang lain selain daripada nama bapa biologi tersebut.

3. Kesan anak tak sahtaraf;

- (i) Syarak hanya mengiktiraf sabit anak tak sahtaraf hanya di sebelah ibunya (ke atas dan ke bawah) sahaja. Oleh itu, mereka menjadi mahram, boleh mewarisi serta tertanggung hak nafkah dan *hadhanah* antara satu sama lain; dan
- (ii) Jika bapa biologi berkahwin dengan ibu kepada anak tak sahtaraf dan sabit persetubuhan, maka;
  - (a) hubungan bapa biologi dengan anak tak sahtaraf itu adalah seperti hubungan bapa tiri dengan anak tiri dan mereka adalah mahram;
  - (b) bapa biologi itu tidak boleh menjadi wali kepada anak tak sahtaraf tersebut; dan
  - (c) bapa biologi dan anak tak sahtaraf itu tidak berhak mewarisi harta pusaka antara satu sama lain.

4. Kesalahan;

Mana-mana orang yang tidak mematuhi Perkara di perenggan 2 (i), (ii), (iii) dan (iv) adalah menjadi suatu kesalahan melanggar fatwa.

5. Pemansuhan;

Fatwa mengenai “ANAK TAK SAHT ARAF” yang telah disiarkan melalui *Warta* No. 506. Jil. 54 No. 13 Tahun 2011 bertarikh 23 Jun 2011 dengan ini dimansuhkan.

Bertarikh

[( ) dlm. JMNK(F) 603 Jld. 2; PUN(KD) 600-1/5/3(4)]

DATO' PADUKA SYEIKH FADZIL BIN HAJI AWANG

*Mufti*

*Negeri Kedah Darul Aman*

**No. 335.**

ENAKMEN MUFTI DAN FATWA (KEDAH DARUL AMAN) 2008

PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SEKSYEN 24

PENGGUNAAN JIN MENURUT ISLAM

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 24, Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 [*Enakmen No. 10 Tahun 2008*]; Jawatankuasa Fatwa dan atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman dengan ini menyiarkan fatwa seperti dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

1. Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada 13 Disember 2020, inilah diputuskan fatwa untuk diguna pakai di Negeri Kedah Darul Aman seperti berikut:

- (i) Bersahabat dengan jin dengan tujuan mendapat pertolongan dalam apa-apa perkara yang ditegah oleh Syarak adalah haram.
- (ii) Bekerjasama dengan jin dalam apa-apa perkara yang bertentangan dengan syarak adalah haram.
- (iii) Meminta pertolongan jin dalam rawatan perubatan sehingga membawa kepada syirik adalah haram.
- (iv) Meminta pertolongan jin untuk mendapatkan apa-apa perkara seperti kekayaan, kekuatan, kehebatan dan sebagainya adalah haram.
- (v) Meminta dan menggunakan khidmat jin untuk ilmu sihir atau nujum adalah haram.

2. Kesalahan:

Mana-mana orang yang tidak mematuhi perkara 1 (i), (ii), (iii), (iv) dan (v) adalah menjadi suatu kesalahan melanggar fatwa.

Bertarikh

[( ) dlm. JMNK(F) 603 Jld. 2; PUN(KD) 600-1/5/3(4)]

DATO' PADUKA SYEIKH FADZIL BIN HAJI AWANG

*Mufti*

*Negeri Kedah Darul Aman*

**No. 336.**

**ENAKMEN MUFTI DAN FATWA (KEDAH DARUL AMAN) 2008**

**PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SEKSYEN 24**

**AMALAN SIHIR ATAU ILMU HITAM**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 24, Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 [*Enakmen No. 10 Tahun 2008*]; Jawatankuasa Fatwa dan atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman dengan ini menyiaran fatwa seperti dinyatakan dalam Jadual.

**JADUAL**

1. Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada 13 Disember 2020, inilah diputuskan fatwa untuk diguna pakai di Negeri Kedah Darul Aman seperti berikut:

- (i) Perbuatan sihir atau ilmu hitam adalah suatu dosa besar dan boleh membawa kepada syirik dan hukum beramal dengannya adalah haram.
- (ii) Mana-mana pengamal sihir atau ilmu hitam yang mendatangkan kemudharatan kepada seseorang adalah haram.

2. Kesalahan:

Mana-mana orang yang tidak mematuhi perkara 1 (i) dan (ii) adalah menjadi suatu kesalahan melanggar fatwa.

Bertarikh

[( ) dlm. JMNK(F) 603 Jld. 2; PUN(KD) 600-1/5/3(4)]

DATO' PADUKA SYEIKH FADZIL BIN HAJI AWANG

*Mufti*

*Negeri Kedah Darul Aman*

**No. 337.****ENAKMEN MUFTI DAN FATWA (KEDAH DARUL AMAN) 2008****PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SEKSYEN 24****AMALAN KHURAFAT DAN AZIMAT**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 24, Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 [*Enakmen No. 10 Tahun 2008*]; Jawatankuasa Fatwa dan atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman dengan ini menyiarkan fatwa seperti dinyatakan dalam Jadual.

**JADUAL**

1. Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada 13 Disember 2020, inilah diputuskan fatwa untuk diguna pakai di Negeri Kedah Darul Aman seperti berikut:

- (i) Khurafat ialah semua cerita atau rekaan atau khayalan, ajaran-ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan-ramalan, pemujaan atau kepercayaan yang menyimpang daripada ajaran Islam. Khurafat juga merangkumi cerita dan perbuatan yang direka dan bersifat karut atau dusta.
- (ii) Kepercayaan dan perbuatan karut yang dianggap mempunyai hubungan dengan agama Islam sedangkan pada hakikatnya bertentangan dengan konsep tauhid dan syariat juga termasuk dalam amalan khurafat.
- (iii) Azimat ialah suatu bentuk permohonan untuk mendapatkan pertolongan atau bantuan bagi manfaat diri sendiri atau untuk memudharatkan orang lain dengan menggunakan objek-objek dan ayat-ayat tertentu yang dianggap mempunyai kesaktian dan kuasa ghaib yang melampaui kekuatan semula jadi apabila dijampi atau dipuja.
- (iv) Islam sangat menitikberatkan soal akidah dan syariat. Segala amalan dan kepercayaan yang tidak berdasarkan kepada sumber yang asal seperti Al-Quran, hadith, ijmak dan qias adalah ditolak oleh Islam.
- (v) Amalan memuja atau memohon pertolongan seperti yang sering dilakukan oleh sebahagian bomoh, dukun, pawang, tukang sihir atau tukang tenung adalah syirik dan menyesatkan.
- (vi) Mana-mana orang yang bersahabat dan menggunakan jin, bomoh, dukun, pawang, tukang sihir atau tukang tenung adalah tergolong dalam kalangan orang yang menzalimi diri sendiri.
- (vii) Amalan penggunaan azimat atau tangkal sebagai pelindung diri seperti ilmu kebal, ilmu pengasih, ilmu pelemah hati, ilmu penjauh jin dan sebagainya yang dicampuradukkan dengan sihir atau ilmu hitam adalah syirik dan menyeleweng daripada ajaran Islam.

2. Kesalahan:

Mana-mana orang yang tidak mematuhi perkara 1 (i), (ii), (iii), (iv), (v), (vi) dan (vii) adalah menjadi suatu kesalahan melanggar fatwa.

Bertarikh

[( ) dlm. JMNK(F) 603 Jld. 2; PUN(KD) 600-1/5/3(4)]

DATO' PADUKA SYEIKH FADZIL BIN HAJI AWANG

*Mufti*

*Negeri Kedah Darul Aman*

**No. 338.**

ENAKMEN MUFTI DAN FATWA (KEDAH DARUL AMAN) 2008

PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SEKSYEN 24

AMALAN KEBATINAN DALAM PERSEMBAHAN KESENIAN TRADISIONAL

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 24, Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 [*Enakmen No. 10 Tahun 2008*]; Jawatankuasa Fatwa dan atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman dengan ini menyiarkan fatwa seperti dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

1. Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada 13 Disember 2020, inilah diputuskan fatwa untuk diguna pakai di Negeri Kedah Darul Aman seperti berikut:

“Jawatankuasa telah memutuskan bahawa amalan-amalan kebatinan dalam persembahan kesenian atau kebudayaan tradisional yang mengandungi unsur-unsur mistik, tasyul dan khurafat adalah ditegah oleh ajaran Islam kerana ia boleh menjelaskan akidah umat Islam”.

2. Kesalahan:

Mana-mana orang yang tidak mematuhi perkara di atas adalah menjadi suatu kesalahan melanggar fatwa.

Bertarikh

[( ) dlm. JMNK(F) 603 Jld. 2; PUN(KD) 600-1/5/3(4)]

DATO' PADUKA SYEIKH FADZIL BIN HAJI AWANG

*Mufti*

*Negeri Kedah Darul Aman*

No. 339.

ENAKMEN MUFTI DAN FATWA (KEDAH DARUL AMAN) 2008

PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SEKSYEN 24

FAHAMAN DAN AJARAN HIZBUT TAHRIR

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 24, Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 [Enakmen No. 10 Tahun 2008]; Jawatankuasa Fatwa dan atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman dengan ini menyiarkan fatwa seperti dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman pada 13 Disember 2020, inilah fatwa untuk diguna pakai di Negeri Kedah Darul Aman seperti berikut:

1. Fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir adalah bercanggah dan menyeleweng daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi teras pegangan masyarakat Islam. Fahaman dan ajaran ini perlu disekat keseluruhannya dari berkembang di negeri ini berdasarkan percanggahan yang terdapat di dalam fahaman dan ajaran tersebut meliputi beberapa perkara berikut:

- (i) Berpegang dengan fahaman yang tidak selari dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti Mu'tazilah, Qadariyah dan Khawarij;
- (ii) Menafikan konsep al-Qadha' wa al Qadr (القضاء والقدر);
- (iii) Berpegang hanya kepada sistem khilafah berdasarkan tafsiran dan fahaman mereka serta menolak dan mengkafirkhan sistem demokrasi berparlimen seperti yang diamalkan oleh negara ini; atau
- (iv) Mendakwa semua negara Islam adalah negara kafir kerana berhukum dengan sistem pemerintahan yang tidak berlandaskan undang-undang Islam sepenuhnya.

2. Oleh itu, mana-mana orang Islam sama ada secara invidu atau berkumpulan adalah dilarang dan diharamkan berpegang dengan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir termasuklah;

- (i) Menjadi ahli kumpulan Hizbut Tahrir;
- (ii) Mengisyiharkan diri sebagai ahli kumpulan Hizbut Tahrir melalui pengakuan bersumpah atau apa-apa kaedah lain;

- 
- (iii) Berada di dalam majlis, perayaan atau sambutan keraian apa-apa program yang boleh dikaitkan dengan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir;
  - (iv) Berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian dan sebagainya melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir;
  - (v) Memiliki, menyimpan, mencetak, menerbit, memuat naik (*upload*), memuat turun (*download*), menjual, mengedarkan atau menggunakan apa-apa terbitan risalah, majalah, buku, media sosial, dokumen, rakaman audio, filem atau menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah, tanda-tanda yang boleh dikaitkan dengan Hizbut Tahrir;
  - (vi) Menghidupkan kembali fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir sama ada melalui pertubuhan, persatuan, syarikat, apa-apa rangkaian, mana-mana pertubuhan atau persatuan yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir;
  - (vii) Mengajar, menyebar, menghidup, membantu, menganjur, mempromosi fahaman dan ajaran, menghadiri apa-apa aktiviti atau program atau menyokong apa-apa aktiviti secara langsung atau tidak langsung yang berkaitan dengan Hizbut Tahrir;
  - (viii) Memiliki, menyimpan, mencetak, menjual atau mengedarkan filem, rakaman audio, risalah, buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah atau apa-apa dokumen, atau menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir di mana-mana harta alih atau tak alih; atau
  - (ix) Mengamalkan, menyebarluaskan dan mengembangkan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir di Negeri Kedah.

3. Mana-mana orang Islam yang telah berbai'ah atau mengamalkan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir adalah disifatkan bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar dan hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah S.W.T.

Kesalahan:

Mana-mana orang yang tidak mematuhi perkara 2(i), (ii), (iii), (iv), (v), (vi), (vii), (viii) dan (ix) di atas adalah menjadi suatu kesalahan melanggar fatwa.

Bertarikh

[( ) dlm. JMNK(F) 603 Jld. 2; PUN(KD) 600-1/5/3(4)]

DATO' PADUKA SYEIKH FADZIL BIN HAJI AWANG  
*Mufti*  
Negeri Kedah Darul Aman

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1hb April 2021]

389

## ENAKMEN 29 (ENAKMEN SIMPANAN MELAYU 1930)

## ENACTMENT 29 (MALAY RESERVATIONS ENACTMENT 1930)

No. 340.

PEMBATALAN DI BAWAH PERENGGAN 4(b)


REVOCATION UNDER PARAGRAPH 4(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh perenggan 4(b) Enakmen 29 (Enakmen Simpanan Melayu 1930) maka inilah Raja dalam Mesyuarat membatalkan pengisytiharan Tanah Simpanan Bagi Orang-orang Melayu di dalam Bandar Padang Mat Sirat, Seksyen 004, Daerah Langkawi, Kedah Darul Aman, dalam Warta Kerajaan Kedah No. 46 Jilid 9 bertarikh 4 April 1933 sebagai Kenyataan No. 1180 setakat yang berkenaan dengan tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini dan dipetakan di atas Peta No. P.W. 50870 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Kulim, Kedah Darul Aman.

In exercise of the power conferred by paragraph 4(b) of Enactment 29 (Malay Reservations Enactment 1930) the Ruler in Council hereby revokes the declaration of Malay Reservation in Bandar Padang Mat Sirat, Seksyen 004, District of Langkawi, Kedah Darul Aman, published in the Kedah Government Gazette No. 46 Volume 9 dated 4 April 1933 as Notification No. 1180 in so far as at relates to the land described in the Schedule hereto and delineated upon P.W. 50870 deposited in the Office of the Director of Survey, Kulim, Kedah Darul Aman.

### JADUAL/SCHEDULE

Bandar—Padang Mat Sirat, Seksyen 004. Daerah—Langkawi. Hakmilik—G.M. 1449, Lot 30, Seksyen 4, P.W. 50870. Keluasan—3141 meter persegi.



No. 341.

**PEMBATALAN DI BAWAH PERENGGAN 4(b)**


## REVOCATION UNDER PARAGRAPH 4(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh perenggan 4(b) Enakmen 29 (Enakmen Simpanan Melayu 1930) maka inilah Raja dalam Mesyuarat membatalkan pengisythiran Tanah Simpanan Bagi Orang-orang Melayu di dalam Bandar Alor Setar, Seksyen 048, Daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman, dalam *Warta Kerajaan Kedah* No. 46 Jilid 9 bertarikh 4 April 1933 sebagai Kenyataan No. 1180 setakat yang berkenaan dengan tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini dan dipetakan di atas Peta No. P.W. 50881 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Kulim, Kedah Darul Aman.

In exercise of the power conferred by paragraph 4(b) of Enactment 29 (Malay Reservations Enactment 1930) the Ruler in Council hereby revokes the declaration of Malay Reservation in Bandar Alor Setar, Section 048, District of Kota Setar, Kedah Darul Aman, published in the Kedah Government Gazette No. 46 Volume 9 dated 4 April 1933 as Notification No. 1180 in so far as at relates to the land described in the Schedule hereto and delicated upon P.W. 50881 deposited in the Office of the Director of Survey, Kulim, Kedah Darul Aman.

### JADUAL/SCHEDULE

Bandar—Alor Setar. Daerah—Kota Setar. Hakmilik—G.M. 34395, Lot 1126,  
Seksyen 048, P.W. 50881. Keluasan—2.707 hektar.



Bertarikh 18 Mac 2021

Dated 18 March 2021

[PSU(K) 190-1437; PTG/KED/M/CK/15/2012]

**MOHAMAD AZLEE BIN AHMAD**  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Kedah/  
Secretary State Executive Council  
Kedah*

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1hb April 2021]

391

No. 342.

DIPERMASUKAN DI BAWAH PERENGGAN 4(c)


## REINCLUSION UNDER PARAGRAPH 4(c)

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh perenggan 4(c) Enakmen 29 (Enakmen Simpanan Melayu 1930) maka inilah Raja dalam Majlis Mesyuarat mengisyiharkan tanah yang tersebut dalam Mukim Jabi, Daerah Pokok Sena, Kedah Darul Aman setakat yang berkenaan seperti Jadual di bawah dan dipetakan di atas P.W. 50871 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Kulim, Kedah Darul Aman dipermasukkan menjadi Tanah Simpanan Bagi Orang-orang Melayu.

In exercise of the power conferred by paragraph 4(c) of Enactment 29 (Malay Reservations Enactment 1930) the Ruler in Council hereby declares that the land in the Mukim Jabi, District of Pokok Sena, Kedah Darul Aman in so far as it relates to the land Schedule hereto and delineated upon P.W. 50871 deposited in the Office of the Director of Survey, Kulim, Kedah Darul Aman to be included as land in Malay Reservation.

## JADUAL/SCHEDULE

Mukim—Jabi. Daerah—Pokok Sena. Hakmilik—G.M. 395, Lot 2456, P.W. 50871. Keluasan—0 4847 hektar.



Bertarikh 10 Mac 2021

Dated 10 March 2021

[PSU(K): 199-1442; PTG/KED/M/CK/21/2018]

MOHAMAD AZLEE BIN AHMAD  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Kedah*  
*Secretary State Executive Council  
Kedah*

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

392

[1hb April 2021]

No. 343.

DIPERMASUKAN DI BAWAH PERENGGAN 4(c)

REINCLUSION UNDER PARAGRAPH 4(c)

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh perenggan 4(c) Enakmen 29 (Enakmen Simpanan Melayu 1930) maka inilah Raja dalam Majlis Mesyuarat mengisyiharkan tanah yang tersebut di dalam Mukim Malau dan Mukim Binjal, Daerah Kubang Pasu, Kedah Darul Aman setakat yang berkenaan seperti Jadual di bawah dan dipetakan di atas P.W. 50882 dan P.W. 50883 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Kulim, Kedah Darul Aman dipermasukkan menjadi Tanah Simpanan Bagi Orang-orang Melayu.

In exercise of the power conferred by paragraph 4(c) of Enactment 29 (Malay Reservations Enactment 1930) the Ruler in Council hereby declares that the land in the Mukim Malau and Mukim Binjal, District of Kubang Pasu, Kedah Darul Aman in so far as it relates to the land Schedule hereto and delineated upon P.W. 50882 and P.W. 50883 deposited in the Office of the Director of Survey, Kulim, Kedah Darul Aman to be included as land in Malay Reservation.

## JADUAL/SCHEDULE


Mukim—Malau. Daerah—Kubang Pasu.

Hakmilik	Keluasan
----------	----------

G.M. 1015, Lot 1381	1.415
P.W. 50882	

Mukim—Binjal. Daerah—Kubang Pasu.


G.M. 1766, Lot 1403	1.809
P.W. 50883	



# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1hb April 2021]

393



Bertarikh 18 Mac 2021

Dated 18 March 2021

[PSU(K) 190-1437; PTG/KED/M/CK/15/2012]

MOHAMAD AZLEE BIN AHMAD  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Kedah/  
Secretary State Executive Council  
Kedah*

No. 344.

PERISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 62  
SIMPANAN TANAH BAGI PENGGUNAAN AM

**DECLARATION UNDER SECTION 62  
RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara, maka inilah Pihak Berkuasa Negeri mengisyiharkan bahawa lengkongan yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini dan dipetakan di atas Peta Pejabat Ukur dan Pemetaan No. P.W. 50596 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Negeri Kedah Darul Aman dikehendaki bagi maksud penggunaan am iaitu "Kawasan Lapang" dan diisyiharkan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman sebagai Pegawai Pengawal.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code, the State Authority hereby declares that the land described in the Schedule hereto and delineated upon Certified Plan No. P.W. 50596 deposited in the Office of the Director of Survey Kedah Darul Aman as reserved for public purpose namely "Open Space Reservation" and to be controlled by State Secretary Kedah Darul Aman.


# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

394

[1hb April 2021]

## JADUAL/SCHEDULE

Bandar—Kuala Nerang, Seksyen 002. Daerah—Padang Terap. Lot—2130 (Kawasan Lapang). Keluasan—286 meter persegi. No. Pelan Warta—P.W. 50596.



Bertarikh

Dated

[PSU(K): 93-1428; PTG/KED/A/11/2007]

MOHAMAD AZLEE BIN AHMAD  
Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Kedah/  
Secretary State Executive Council  
Kedah

No. 345.

PERISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 62  
SIMPANAN TANAH BAGI PENGGUNAAN AM

DECLARATION UNDER SECTION 62  
RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara, maka inilah Pihak Berkuasa Negeri mengisyiharkan bahawa lengkongan yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini dan dipetakan di atas Peta Pejabat Ukur dan Pemetaan No. P.A. 55005 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Negeri Kedah Darul Aman dikehendaki bagi maksud penggunaan am iaitu "Kawasan Lapang" dan diisyiharkan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman sebagai Pegawai Pengawal.

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN


1hb April 2021]

395

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code, the State Authority hereby declares that the land described in the Schedule hereto and delineated upon Certified Plan No. P.A. 55005 deposited in the Office of the Director of Survey Kedah Darul Aman as reserved for public purpose namely "Open Space Reservation" and to be controlled by State Secretary Kedah Darul Aman.

## JADUAL/SCHEDULE

Mukim—Kulim. Daerah—Kulim. Lot—3506 (Kawasan Lapang). Keluasan—4239 meter persegi. No. Pelan Akui—P.A. 55005.



Bertarikh

Dated

[PSU(K): 579/1409; PTG/KED/A/44/1989]

MOHAMAD AZLEE BIN AHMAD  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Kedah/*  
*Secretary State Executive Council  
Kedah*

No. 346.

PERISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 62  
SIMPANAN TANAH BAGI PENGGUNAAN AM

DECLARATION UNDER SECTION 62  
RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara, maka inilah Pihak Berkuasa Negeri mengisyiharkan bahawa lengkongan yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini dan dipetakan di atas Peta Pejabat Ukur No. P.W. 3840 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur Kedah dikehendaki bagi maksud penggunaan am iaitu "Tapak Kuil Sri Agasa Mariamman" dan diisyiharkan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman sebagai Pegawai Pengawal.

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN


396

[1hb April 2021]

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code, the State Authority hereby declares that the land described in the Schedule hereto and delineated upon Certified Plan No. P.W. 3840 deposited in the Office of the Chief Surveyor, Kedah as reserved for public purpose namely “Tapak Kuil Sri Agasa Mariamman” and to be controlled by State Secretary Kedah Darul Aman.

## JADUAL/SCHEDULE

Bandar—Anak Bukit, Seksyen 2. Daerah—Kota Setar. Lot—3828. Keluasan—1,796 meter persegi.



Bertarikh 8 Februari 2021

Dated 8 February 2021

[PSU(K): 411/1426; PTG(K)/L: 15/2005(AM)]

MOHAMAD AZLEE BIN AHMAD  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Kedah/*  
*Secretary State Executive Council  
Kedah*

No. 347.

PERISYIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 62  
SIMPANAN TANAH BAGI PENGGUNAAN AM


DECLARATION UNDER SECTION 62  
RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara, maka inilah Pihak Yang Berkuasa Negeri mengisytiharkan bahawa lengkongan yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini dan dipetakan di atas Peta Pejabat Ukur No. P.W. 50811 yang disimpan di Pejabat Pengaroh Ukur, Kedah dikehendaki bagi maksud penggunaan am iaitu “Tapak Perhentian Bas” dan dilantik Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah sebagai Pegawai Pengawal dan dipertugaskan Majlis Perbandaran Sungai Petani menggunakan dan menyelenggarakannya.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code, the State Authority hereby declares that the land described in the Schedule hereto and delineated upon Certified Plan No. P.W. 50811 deposited in the Office of the Chief Surveyor, Kedah is reserved for a public purpose namely for "Tapak Perhentian Bas" and to be controlled by the Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah and to be duty to Majlis Perbandaran Sungai Petani.

## JADUAL/SCHEDEULE

Mukim—Pekan Jeniang. Daerah—Kuala Muda. Lot—Plot 2. Keluasan—1618 meter persegi.



Bertarikh 7 Mac 2021

Dated 7 March 2021

[PSU(K) 339-1437; PTG/KED/K/084/2015/01]

MOHAMAD AZLEE BIN AHMAD  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Kedah*  
*Secretary State Executive Council*  
*Kedah*

No. 348.

PERISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 62  
SIMPANAN TANAH BAGI PENGGUNAAN AM

**DECLARATION UNDER SECTION 62  
RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara, maka inilah Pihak Yang Berkuasa Negeri mengisytiharkan bahawa lengkongan yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini dan dipetakan di atas Peta Pejabat Ukur No. P.W. 50813 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Kedah dikehendaki bagi maksud penggunaan am iaitu “Tapak Tasik Rekreasi (Plot A), Tapak Bangunan Chalet (Plot B) dan Tapak Rekreasi (Plot C)” dan dilantik Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah sebagai Pegawai Pengawal dan dipertugaskan Majlis Daerah Pendang menggunakan dan menyelenggarakannya.

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN


398

[1hb April 2021]

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code, the State Authority hereby declares that the land described in the Schedule hereto and delineated upon Certified Plan No. P.W. 50811 deposited in the Office of the Chief Surveyor, Kedah is reserved for a public purpose namely for "Tapak Tasik Rekreasi (Plot A), Tapak Bangunan Chalet (Plot B) and Tapak Rekreasi (Plot C)" and to be controlled by the Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah and to be duty to Majlis Daerah Pendang.

## JADUAL/SCHEDULE

Mukim—Bukit Raya. Daerah—Pendang. Lot—Plot A, B dan C. Keluasan—12.16 hektar (Plot A), 4.803 hektar (Plot B) dan 2.165 hektar (Plot C).



Bertarikh 7 Mac 2021

Dated 7 March 2021

[PSU(K) 254-1430; PTG/KED/K/2424/2007/01 (GANTI)]

MOHAMAD AZLEE BIN AHMAD  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Kedah/*  
*Secretary State Executive Council  
Kedah*

No. 349.

## PERISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 62 SIMPANAN TANAH BAGI PENGGUNAAN AM

## DECLARATION UNDER SECTION 62 RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara, maka inilah Pihak Yang Berkuasa Negeri mengisytiharkan bahawa lengkongan yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini dan dipetakan di atas Peta Pejabat Ukur No. P.W. 50822 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Kedah

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1hb April 2021]


399

dikehendaki bagi maksud penggunaan am iaitu "Tapak Sistem dan Perkhidmatan Pembentungan" dan dilantik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan sebagai Pegawai Pengawal dan dipertugaskan Jabatan Perkhidmatan Pembentungan menggunakan dan menyelenggarakannya.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code, the State Authority hereby declares that the land described in the Schedule hereto and delineated upon Certified Plan No. P.W. 50822 deposited in the Office of the Chief Surveyor, Kedah is reserved for a public purpose namely for "Site for Sewerage Services System" and to be controlled by the Federal Land Commissioner and to be duty to Jabatan Perkhidmatan Pembentangan.

## JADUAL/SCHEDULE

Mukim—Bujang. Daerah—Kuala Muda. Lot—3819. Keluasan—2833 meter persegi.



Bertarikh 7 Mac 2021

Dated 7 March 2021

[PSU(K) 410-1441; PTG/KED/K/401/2015/03]

MOHAMAD AZLEE BIN AHMAD  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
Kedah/  
*Secretary State Executive Council*  
Kedah

No. 350.

PERISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 62  
SIMPANAN TANAH BAGI PENGGUNAAN AM


**DECLARATION UNDER SECTION 62  
RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara, maka inilah Pihak Yang Berkuasa Negeri mengisyitiharkan bahawa lengkongan yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini dan dipetakan di atas Peta Pejabat Ukur No. P.A. 95726 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Kedah dikehendaki bagi maksud penggunaan am iaitu "Tapak Rumah dan Pejabat Penghulu Mukim Bukit Lada" dan dilantik Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman sebagai Pegawai Pengawal dan dipertugaskan Pegawai Daerah Kota Setar menggunakan dan menyelenggarakannya.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code, the State Authority hereby declares that the land described in the Schedule hereto and delineated upon Certified Plan No. P.A. 95726 deposited in the Office of the Chief Surveyor, Kedah is reserved for a public purpose namely for "Tapak Rumah dan Pejabat Penghulu Mukim Bukit Lada" and to be controlled by the Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman and to be duty to Pegawai Daerah Kota Setar.

### JADUAL/SCHEDULE

Mukim—Bukit Lada. Daerah—Pokok Sena. Lot—2959. Keluasan—1686 meter persegi.



Bertarikh 14 Mac 2021

Dated 14 March 2021

[PSU(K) 255-1420; PTG/KED/K/597/98/01]

MOHAMAD AZLEE BIN AHMAD  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Kedah*  
*Secretary State Executive Council*  
*Kedah*

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

No. 351.

[Subseksyen 64(1)]

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 64(1)]

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 736 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Kedah* pada 18 Disember 2008, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah mengisyiharkan bahawa tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan di atas Pelan No. P.A. 113006 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Negeri Kedah Darul Aman, adalah dirizabkan bagi maksud awam iaitu suatu tapak untuk “Kawasan Lapang” dan “Tapak Surau” yang dikawal oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.

Dan bahawasanya, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa sebahagian perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan setakat keluasan yang diperihalkan dalam Jadual dibawah:

Dan bahawasanya, notis mengenai cadangan Pihak Berkuasa Negeri seperti yang disebut dahulu telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Kedah* No. 1065 pada 19 Disember 2019:

Dan bahawasanya, tiada bantahan diterima terhadap cadangan Pihak Berkuasa Negeri seperti yang disebut terdahulu:

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri membatalkan sebahagian perizaban yang disebut terdahulu itu.

Whereas, by Notification No. 736 published in the Kedah Government Gazette on 18 December 2008, in the exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority proclaimed that the land described in the Schedule and delineated upon Plan No. P.A. 113006 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping, Kedah Darul Aman is reserved for a public purpose, to wit, a site for a “Kawasan Lapang” and “Tapak Surau” which is controlled by the State Secretary of Kedah Darul Aman.

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

402

[1hb April 2021]

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that part of the aforesaid reservation should be revoked to the extent of the area described in the Schedule below:


And whereas, notice of the proposal of the State Authority as aforesaid was published in the Kedah Government *Gazette* No. 1065 on 19 December 2019:

And whereas, no objection to the proposal of the State Authority as aforesaid was received:

Now therefore, in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code, the State Authority revokes a part of the aforesaid reservation.

## JADUAL/SCHEDULE

Mukim—Pekan Sungai Limau Dalam. Daerah—Yan. No. Lot—544. Luas—2,429 meter persegi. Luas untuk dibatalkan rizab—455 meter persegi. No. Pelan—P.A. 113006.



Bertarikh  
[PTG/KED/K/614/2019/06]

MOHAMAD AZLEE BIN AHMAD  
Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Kedah/  
Secretary State Executive Council  
Kedah

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1hb April 2021]

403

No. 352.

(Seksyen 168)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICE OF INTENTION TO ISSUE TITLE IN CONTINUATION  
(OR NEW ISSUE DOCUMENT IN LIEU THEREOF)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan surat hakmilik sambungan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hilang.

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to issue title in continuation to the lands described in the Schedule below for the following reasons:

Lost.

## JADUAL/SCHEDULE

Mukim	No. Lot/Bahagian dan No. Fail	Keluasan/Jenis dan No. Surat Hakmilik
<i>Mukim</i>	<i>Lot No./Share and File No.</i>	<i>Area/Description and No. of Title</i>
		Hektar/ <i>Hectares</i>
Padang Meha	276	PTK/B/73-2020(H) 1.2694 384
Terap	439	PTK/B/75-2020(H) 1.009 1199
Junjung	1750	PTK/B/76-2020(H) 1.522 1405
Nagalilit	507	PTK/B/77-2020(H) 3.4327 374

Bertarikh

Dated

[Bil.(72) dlm. PTK/B/6/1998 Jld. 6; PSU(K) 946-1379 JLD. 246]

MU'AMMAR BIN HAJI MOHAMAD ALI  
*Penolong Pegawai Daerah*  
*(Pembangunan Fizikal) Kulim*  
*Pejabat Daerah dan Tanah Kulim*  
*Kedah*

**No. 353.**

(Seksyen 168)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICE OF INTENTION TO ISSUE TITLE IN CONTINUATION  
(OR NEW ISSUE DOCUMENT IN LIEU THEREOF)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hilang.

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to issue title in continuation to the lands described in the Schedule below for the following reasons:

Lost.

**JADUAL/SCHEDULE**

Mukim	No. Lot/Bahagian dan No. Fail	Keluasan/Jenis dan No. Surat Hakmilik	
<i>Mukim</i>	<i>Lot No./Share and File No.</i>	<i>Area/Description and No. of Title</i>	
		Hektar/ <i>Hectares</i>	G.M.
Mukim Derang	3035 PTPS/B/50/2020 I.H	0.5121	2134
Mukim Jabi	551 PTPS/B/53/2020 I.H	0.2415	2457
Mukim Lesong	254 PTPS/B/54/2020 I.H	1.0792	856
Mukim Gajah Mati	1884 PTPS/B/55/2020 I.H	1.6666	2145
			H.S.M.
Mukim Lesong	P.T. Lain-lain PTPS/B/56/2020 I.H	0.5839	71
			P.M.
Mukim Gajah Mati	4957 PTPS/B/57/2020 I.H	0.0672	220
			G.M.
Mukim Derang	1457 PTPS/B/58/2020 I.H	1.2271	179

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1hb April 2021]

405

Mukim	No. Lot/Bahagian dan No. Fail	Keluasan/Jenis dan No. Surat Hakmilik		
<i>Mukim</i>	<i>Lot No./Share and File No.</i>	<i>Area/Description and No. of Title</i>		
		Meter Persegi/ Square Metres	P.M.	
Mukim Bandar Pokok Sena	113 Seksyen 8	PTPS/B/59/2020 I.H	302	60
Mukim Lesong	2154	PTPS/B/61/2020 I.H	0.4501	2199
Mukim Bandar Pokok Sena	245 Seksyen 6	PTPS/B/62/2020 I.H	276	2402
Mukim Jabi	555	PTPS/B/1/2021 I.H	0.525	2199
Mukim Pekan Kebun 500	553	PTPS/B/1/2021 I.H	1.2785	40
Mukim Pekan Kebun 500	644	PTPS/B/1/2021 I.H	0.5672	88
Mukim Pekan Kebun 500	662	PTPS/B/1/2021 I.H	0.6582	55
Mukim Derang	1583	PTPS/B/2/2021 I.H	1.811	244
Mukim Bukit Lada	3899	PTPS/B/3/2021 I.H	0.0683	1314
Mukim Bandar Pokok Sena	1330	PTPS/B/4/2021 I.H	0.2285	827
Mukim Jabi	39	PTPS/B/6/2021 I.H	1.1647	1319
Mukim Derang	270	PTPS/B/7/2021 I.H	2.8099	1217
Mukim Derang	659	PTPS/B/7/2021 I.H	0.4251	1227
Mukim Derang	86	PTPS/B/7/2021 I.H	0.6147	1264
Mukim Derang	514	PTPS/B/7/2021 I.H	0.2277	1377
Mukim Derang	1920	PTPS/B/7/2021 I.H	0.0884	622

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

406

[1hb April 2021]

Mukim	No. Lot/Bahagian dan No. Fail	Keluasan/Jenis dan No. Surat Hakmilik		
<i>Mukim</i>	<i>Lot No./Share and File No.</i>	<i>Area/Description and No. of Title</i>		
		Hektar/ <i>Hectares</i>		
Mukim Lesong	Lot Lain-lain	PTPS/B/8/2021 I.H	0.5756	77
				G.M.
Mukim Tualang	964	PTPS/B/9/2021 I.H	1.7732	2120
Mukim Gajah Mati	2419	PTPS/B/10/2021 I.H	1.9678	539
Mukim Gajah Mati	2168	PTPS/B/11/2021 I.H	1.6262	2283

Bertarikh

Dated

[Bil.(72) dlm. PTK/B/6/1998 Jld. 6; PSU(K) 946-1379 JLD. 246]

WAN AIDIL ANWAR BIN WAN AZLAN  
*Penolong Pegawai Daerah  
(Pendaftaran dan Hasil)  
Pejabat Tanah Pokok Sena  
Kedah*

**No. 354.**

(Seksyen 168)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICE OF INTENTION TO ISSUE TITLE IN CONTINUATION  
(OR NEW ISSUE DOCUMENT IN LIEU THEREOF)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan surat hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah:

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to issue title in continuation to the land described in the Schedule below:

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1hb April 2021]

407

## JADUAL/SCHEDULE

Mukim/Bandar/*Mukim/Town*—Kedawang. No. Lot/*Lot No.*—2217. Jenis dan Surat Hakmilik/*Description and No. of Title*—G.M. 2072. Sebab-sebab/*Reasons*—Hilang/*Lost*.

Bertarikh 2 Mac 2021

Dated 2 March 2021

[(03) dlm. PTL(B) I/Hilang: 06/2021; PSU(K) 946-1379 Jld. 246]

SAJARATUL ALEEYA BINTI SHAHRIL  
*Penolong Pegawai Daerah (Pendaftaran)*  
*Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi*  
*Kedah*

**No. 355.**

(Seksyen 168)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELOUARKAN YANG  
BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICE OF INTENTION TO ISSUE TITLE IN CONTINUATION  
(OR NEW ISSUE DOCUMENT IN LIEU THEREOF)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah:

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to replace the issue document of title to the land described in the Schedule below:

## JADUAL/SCHEDULE

